

BULETIN

OKTOBER - DISEMBER
2022

EDISI 04

BANDAR RAYA

MAJLIS BANDARAYA SUBANG JAYA

Kemeriahan Sambutan ULANGTAHUN KEDUA MBSJ



MBSJ RANGKUL

Anugerah Johan

DALAM MAJLIS PERSADA INOVASI PERKHIDMATAN
AWAM PERINGKAT NEGERI SELANGOR (MPIPANS) 2022



EDISI
PERCUMA



BENDERA MBSJ
BERKIBAR MEGAH
DI GUNUNG
KINABALU



#KitaSelangor



SIDANG REDAKSI

PENAUANG:

YBhg. Dato' Johary bin Anuar, *DPMS*
Datuk Bandar
Majlis Bandaraya Subang Jaya

PENASIHAT:

Tn. Hj. Mohd Zulkurnain bin Che Ali, *AMN, AMS*
Timbalan Datuk Bandar
Majlis Bandaraya Subang Jaya

KETUA EDITOR:

Encik Muhammad Azli bin Miswan, *AMS*
Pengarah
Jabatan Korporat dan Pengurusan Strategik

EDITOR:

Encik Azfarizal bin Abdul Rashid
Timbalan Pengarah
Jabatan Korporat dan Pengurusan Strategik

SIDANG EDITORIAL:

Puan Noor Baizura binti Bakhtiar
Puan Noor Sabrina binti Samsudin

PEREKA GRAFIK:

Muhammad Shahrhan Hanief
bin Shahrarolzman
Siti Marlina binti Chek Long
Khairul bin Rosli

JURUGAMBAR:

Encik Mohd Ferdaus bin Khazali
Encik Mohd Fazli bin Osman

EDARAN BULETIN:

Puan Farah Izwani binti Ahmad
Encik Fazli bin Naiman

MBSJ PBT PERTAMA LANCAR PELAN ANTI RASUAH (OACP) MAJLIS BANDARAYA SUBANG JAYA 2022-2026 3

MBSJ RASMI TAPAK KENDERA SAJI (FOOD TRUCK) DI DATARAN MILLENIUM, SS13, SUBANG JAYA 3

MBSJ RANGKUL TEMPAT PERTAMA ANUGERAH KEJIRANAN HIJAU 2022 KATEGORI PIHAK BERKUASA TEMPATAN (PBT) 4

MBSJ RANGKUL ANUGERAH JOHAN DALAM MAJLIS PERSADA INOVASI PERKHIDMATAN AWAM PERINGKAT NEGERI SELANGOR (MPIPANS) 2022 4

SELANGOR INTERNATIONAL BUSINESS SUMMIT (SIBS) 2022 PLATFORM MBSJ UNTUK MENARIK PELABUR 5

MBSJ CEMERLANG: RANGKUL KEJAYAAN DI PERSADA ANTARABANGSA MENERUSI INTERNATIONAL CONVENTION ON QC CIRCLES (ICQCC) 2022 6

MBSJ TELAH DIANUGERAHKAN SIJIL PENGHARGAAN BAGI DUA SKIM PENSIJILAN 6

PERKASA OPERASI BANTUAN BENCANA, MBSJ ANJUR BENGKEL PELAN OPERASI BENCANA 7

MBSJ LANCAR GALERI ALAM SEKITAR DAN KITAR SEMULA SERTA PROGRAM KUTIPAN KITAR SEMULA SEKOLAH TINGKAT KESEDARAN KOMUNITI KE ARAH GAYA HIDUP MAMPAN 7

KOMPLEKS SUKAN DAN KEMUDAHAN AWAM MBSJ DI PUSAT BANDAR PUCHONG 8

MAJLIS SAMBUTAN DEEPAVALI MBSJ 2022 8

PROGRAM BICARA PERDANA DAN QASIDAH MBSJ SEMPENA SAMBUTAN MAULIDUR RASUL 2022 9

635 ORANG SERTAI MAJLIS KHAMAT AL-QURAN & DOA SELAMAT 9

MAJLIS MUNAJAT ILTIZAM AMBANG TAHUN 2023 MBSJ 10



KEUNIKAN PERHIMPUNAN BULANAN MBSJ BULAN OKTOBER 2022 11

BENDERA MBSJ BERKIBAR MEGAH DI GUNUNG KINABALU 11

KEMERIAHAN SAMBUTAN ULANG TAHUN KEDUA MBSJ 12

WARNA-WARNI KOMUNITI AKTIVITI MPP BULAN OKTOBER - DISEMBER 2022 16

NATIONAL PLANNING CONGRESS 2022 WADAH PERKONGSIAN MBSJ MENGENAI PERANCANGAN BANDAR 18

KARNIVAL KESIHATAN SEMPENA HARI AIDS SEDUNIA 2022 ANJURAN MBSJ DAN PKD PETALING 18

MBSJ PERKASA AGENDA PEMBANGUNAN BANDAR MAMPAN MELALUI PENYERTAAN PERSIDANGAN MALAYSIA URBAN FORUM 2022 19

LEPAK SANTAI FINAL MATCH FIFA WORLD CUP 2022 19

MBSJ BANTU PENIAGA MENDIGITALISASIKAN PERNIAGAAN 20

PROGRAM ILTIZAM PRIHATIN MBSJ BERI SINAR KEPADA 360 PENERIMA BANTUAN 20

PROGRAM BANTUAN KESIHATAN PEKA B40 1,200 ORANG TERIMA MANFAAT 21

PEMBUKAAN KAUNTER PEMBAHARUAN LESEN PASAR PAGI, PASAR MALAM, PASAR AWAM DAN MEDAN SELERA TAHUN 2023 21

DATUK BANDAR MBSJ TURUN TAPAK TINJAU PROJEK LANGAT 2 22

LAWATAN PENANDA ARASAN KENYA SCHOOL OF REVENUE ADMINISTRATION (KESRA) KE MBSJ 22

SELAMAT PAGI SUBANG JAYA HARI TANPA KENDERAAN SOKONG ASPIRASI MATLAMAT PEMBANGUNAN MAMPAN (SDG) 23



MBSJ PBT PERTAMA LANCAR PELAN ANTI RASUAH (OACP)

MAJLIS BANDARAYA SUBANG JAYA 2022-2026

Jenayah rasuah merupakan satu permasalahan yang yang perlu ditangani dari akar umbi dengan serius. Ini kerana sekiranya tidak ditangani dengan tuntas, ianya bakal memusnahkan reputasi sesebuah organisasi.

Justeru itu, MBSJ telah mengorak langkah dengan menjadi Pihak Berkuasa Tempatan yang pertama di Negeri Selangor yang memperolehi Pensijilan Sistem Pengurusan Antirasuah (*Anti-Bribery Management System* (ABMS)). MBSJ juga turut memperkasakan pematuhan 'Dasar Toleransi Sifar' (Zero Tolerance Policy) terhadap segala bentuk aktiviti rasuah, salahguna kuasa, penyelewengan dan isu salah laku dalam organisasi.

Bagi memperkukuhkan lagi iltizam anti rasuah ini, MBSJ sekali lagi menjadi PBT pertama yang melancarkan Pelan Anti Rasuah Majlis Bandaraya

Subang Jaya 2022-2026 (OACP: Organization Anti-Corruption Plan). Majlis pelancaran pelan ini telah dilaksanakan pada 24 November 2022 bertempat di Sunway Resort Hotel, Bandar Sunway.

Majlis perasmian telah disempurnakan oleh YBhg. Dato' Johary bin Anuar, Datuk Bandar MBSJ dengan disaksikan bersama tujuh agensi kerajaan lain seperti Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) Negeri Selangor, Agensi Antidadah Kebangsaan (AADK) Daerah Petaling, Institut Integriti Malaysia (IIM), Unit Integriti, Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor



(SUK), Ibupejabat Polis Daerah (IPD) Subang Jaya dan Ibu Pejabat Polis Daerah (IPD) Serdang.

Sebagai makluman, Pelan OACP ini merupakan pelan bagi mengukuhkan kecekapan, ketelusan serta integriti warga MBSJ. Pelan ini secara ringkasnya mengandungi enam objektif strategik, yang melibatkan 72 pelan tindakan atau inisiatif anti rasuah merangkumi tiga sektor utama iaitu pentadbiran, perolehan dan pengoperasian. Pelan ini selaras dengan Matlamat Pembangunan Mampian iaitu SDG 16: *Peace, Justice and Strong Institutions*.



MBSJ RASMI TAPAK KENDERA SAJI (FOOD TRUCK)

DI DATARAN MILLENIUM, SS13, SUBANG JAYA

Dalam usaha memberi kemudahan kepada penduduk serta memperkasa usahawan mikro di Negeri Selangor meningkatkan hasil jualan berkonsepkan tempat makan terbuka, MBSJ telah memperkenalkan Tapak Kendera Saji (Food Truck) di Dataran Millenium SS13, Subang Jaya.

Majlis perasmian telah diadakan pada 2 Disember 2022 oleh YBhg. Dato' Johary bin Anuar, Datuk Bandar Subang Jaya. Turut serta YB Puan Michelle Ng Mei Sze, Ahli Dewan Negeri Subang Jaya bersama YDH. ACP Wan Azlan bin Wan Mamat, Ketua Polis Daerah Subang Jaya.

Pihak MBSJ telah menjalin kerjasama dengan rakan sinergi iaitu Tapak Suvarnabumi Sdn. Bhd. dalam merealisasikan projek ini. Sebagai permulaan, sebanyak 20 unit kendera saji akan beroperasi setiap hari bermula jam 5.30 petang hingga 12.30 malam di lokasi tersebut.

Sebagai makluman, tapak *Food Truck* ini di sini juga turut dilengkapi dengan kemudahan surau dan tandas serta petak tempat letak kereta, parkir motosikal serta parkir Orang Kurang Upaya bagi keselesaan pengunjung.



MBSJ RANGKUL TEMPAT PERTAMA ANUGERAH KEJIRANAN HIJAU 2022 KATEGORI PIHAK BERKUASA TEMPATAN (PBT)



Trofi kemenangan serta wang tunai berjumlah RM5,000.00 menjadi bukti Majlis Bandaraya Subang Jaya telah dinobatkan sebagai pemenang tempat PERTAMA bagi Anugerah Kejiranan Hijau 2022 Kategori Pihak Berkuasa Tempatan (PBT).

YBhg. Dato' Johary bin Anuar, Datuk Bandar Subang Jaya telah menerima anugerah tersebut yang telah disampaikan oleh YBhg. Datuk M. Noor Azman bin Taib, Ketua Setiausaha Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) semasa sambutan Hari Perancangan Bandar Sedunia (HPBS) pada 8 November 2022 yang lalu bertempat di Hotel Marriot, Putrajaya.

Anugerah Kejiranan Hijau ini merupakan penghargaan di peringkat nasional yang diberikan kepada PBT, komuniti dan individu atas usaha dalam melaksanakan inisiatif pembangunan kejiranan hijau. Pada tahun ini, MBSJ telah bertanding dalam 6 kategori projek iaitu

- Projek Laluan Pejalan Kaki Subang Jaya:
- Inklusif Smart Vibrant
- Kayuhan Pelbagai Rintangan @ Putra Heights



Datuk Bandar memberi penerangan kepada YBhg. Datuk M. Noor Azman bin Taib, Ketua Setiausaha Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) di booth pameran MBSJ

- Inisiatif Penuaian Air Hujan Smart Vibrant: Peneraju Jejak Ekologi Tempatan
- Kebun Komuniti Berdaya B40 Pangsapuri Seri Serdang: Projek Urbanisasi Mampan Smart Vibrant Subang Jaya
- Pengurusan Organik Smart Vibrant: Subang Jaya Ke Arah Ekonomi Kitaran serta projek Smart Vibrant Zero Waste.

Sesungguhnya pencapaian ini merupakan lonjakan semangat buat semua warga MBSJ untuk terus memberikan perkhidmatan yang terbaik dan ianya dapat diteruskan di masa-masa akan datang.

MBSJ Rangkul Anugerah Johan

DALAM MAJLIS PERSADA INOVASI PERKHIDMATAN AWAM PERINGKAT NEGERI SELANGOR (MPIPANS) 2022

MBSJ meneruskan kecemerlangannya apabila berjaya menjadi Johan bagi kategori Penyampaian Perkhidmatan (Penciptaan) dan Projek Inovasi Terbaik (Premier) melalui Projek 'KJAP 4 Traffic Lights' yang diwakili oleh Kumpulan Electrical Evo, Jabatan Kejuruteraan MBSJ. Selain itu juga, MBSJ turut berjaya meraih tempat ketiga dengan membawa projek 'Modul Pembangunan Kebun Komuniti Berdaya' yang diwakili oleh Kumpulan Life Saver, Jabatan Pembangunan Masyarakat MBSJ.

Majlis penyampaian anugerah ini telah berlangsung di Pusat Konvensyen Kuala Lumpur (KLCC) pada 9 Oktober 2022 yang lalu dan hadiah telah disampaikan oleh Yang Berhormat Dato' Haji Haris bin Kasim, Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor dalam Majlis Penutupan Ekspo Penyelidikan, Pembangunan dan Inovasi Negeri Selangor (Selangor Research and Innovation Expo (SRIE)) 2022.



Asian Smart City Conference: Sustainable City Initiative



SELANGOR INTERNATIONAL BUSINESS SUMMIT (SIBS) 2022 PLATFORM MBSJ UNTUK MENARIK PELABUR

Penganjuran Selangor International Business Summit (SIBS) 2022 oleh kerajaan Negeri Selangor pada 6-9 Oktober 2022 bertempat di Kuala Lumpur Convention Center (KLCC) yang lalu dilihat sebagai satu peluang bagi Majlis Bandaraya Subang Jaya dalam usaha mempromosikan bandar raya ini sebagai lokasi pelaburan serta mempamerkan inovasi yang dilaksanakan MBSJ.

YBhg. Dato' Johary bin Anuar, Datuk Bandar Subang Jaya juga turut dijemput untuk berkongsi 'Subang Jaya Sustainable City Initiatives' serta menjadi panelis bagi sesi Asian Smart City Conference: Net Zero and Circular Economy Forum.



Majlis persidangan ini telah dirasmikan oleh Duli Yang Teramat Mulia Raja Muda Selangor, Tengku Amir Shah Ibni Sultan Sharafuddin Idris Shah Alhaj. Turut hadir sama YAB Dato' Seri Amirudin bin Shari, Dato' Menteri Besar Selangor.

MBSJ telah menyertai 3 ruang pameran iaitu 2nd Selangor Industrial Park (SPARK) 2022, 7th Selangor Smart City & Digital Economy Convention (SDEC) 2022 serta 3rd Selangor R&D and Innovation (SRIE) 2021.



MBSJ CEMERLANG: RANGKUL KEJAYAAN DI PERSADA ANTARABANGSA MENERUSI INTERNATIONAL CONVENTION ON QC CIRCLES (ICQCC) 2022



Kata-kata motivasi yang diberikan oleh YBhg. Dato' Johary bin Anuar, Datuk Bandar MBSJ bersama barisan pengurusan tertinggi semasa perjumpaan pada 2 November 2022 yang lalu sebelum berlepas ke Jakarta bagi menyertai *International Convention on QC Circles (ICQCC) 2022* yang diadakan pada 15-18 November 2022 bertempat di Mercure Convention Center, Ancol, Jakarta sememangnya menjadi pembakar semangat buat semua wakil MBSJ.

Ini terbukti apabila kedua-dua kumpulan yang mewakili Majlis Bandaraya Subang Jaya iaitu Kumpulan KwXpress (bagi projek Inovasi Kira Sendiri Fi Anda) dan Kumpulan *Life Saver* (bagi projek Modul Pembangunan Kebun Komuniti Berdaya) telah berjaya meraih Anugerah *Gold Medal* berdasarkan penilaian daripada para juri profesional bertaraf antarabangsa.

International Convention on QC Circles (ICQCC) 2022 pada tahun ini telah disertai sejumlah 278 pasukan daripada lapan buah negara iaitu India (164 pasukan), Malaysia (63 pasukan), Indonesia (22 pasukan), Thailand (13 pasukan), Bangladesh (7 pasukan), Zambia (4 pasukan), Sri Lanka (3 pasukan) dan Singapura (2 pasukan).



MBSJ TELAH DIANUGERAHKAN

Sijil Penhargaan Bagi Dua Skim Pensijilan

MBSJ telah dianugerahkan Sijil Penghargaan bagi dua skim pensijilan iaitu Sistem Pengurusan Anti Rasuah ISO 37001:2016 (ABMS) dan Sistem Pengurusan Keselamatan Maklumat ISO/IEC27001:2013 (ISMS) dalam Majlis SIRIM Industri 2022 yang telah berlangsung pada 1 Disember 2022 yang lalu bertempat di Hotel Mandarin Oriental, Kuala Lumpur.

YBhg. Dato' Johary bin Anuar, Datuk Bandar bersama YBrs. Tuan Haji Mohd Zulkurnain bin Che Ali, Timbalan Datuk Bandar diiringi pengurusan Inspektorat Kualiti Dalam (IKD) MBSJ telah mewakili organisasi MBSJ bagi menerima penghargaan tersebut.

Majlis ini diadakan bagi meraikan pelbagai agensi kerajaan, industri dan juga syarikat yang telah berjaya memperoleh pengiktirafan daripada SIRIM QAS International Sdn. Bhd. menerusi pelbagai skim pensijilan dan penghasilan produk yang menepati keperluan pelanggan.

Terima kasih SIRIM Berhad atas pengiktirafan tersebut.



Achieving through SIRIM Certification

PERKASA OPERASI BANTUAN BENCANA,

MBSJ ANJUR BENGKEL PELAN OPERASI BENCANA

MBSJ menganjurkan Bengkel Pelan Operasi Bencana dalam usaha memperkasa serta memperkemarkan lagi pelan strategik operasi bencana MBSJ bagi menghadapi peralihan monsun timur laut.

Bengkel yang dilaksanakan dengan kerjasama Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (BOMBA) serta Polis Diraja Malaysia (PDRM) ini telah dihadiri oleh seramai 150 peserta yang membabitkan penyertaan dari wakil komuniti, anggota badan beruniform dan pelbagai agensi kerajaan.

Penganjuran bengkel ini memfokuskan kepada pembangunan pelan operasi strategik bantuan bencana yang dibukukan sebagai panduan utama semasa menguruskan bencana. Selain itu juga, MBSJ juga mahu memanfaatkan kemudahan Sistem Informasi Eksekutif (EIS)



bagi memperinci pelan berkenaan berdasarkan kawasan berisiko yang dipetakan.

Terdapat beberapa aspek yang diberi penekanan di dalam bengkel tersebut di antaranya seperti tatacara operasi piawai (SOP) di pusat pemindahan sementara (PPS), lokasi selamat



pemindahan dan penempatan sementara kenderaan penduduk, lokasi kawasan yang perlu dikawal keluar masuk kenderaan, tempat berkumpul agensi keselamatan dan pasukan penyelamat serta lokasi aset penyelamat.



Adalah diharapkan pelaksanaan bengkel ini dapat memperkasa kerjasama rentas agensi bagi mengelak pertindihan tugas ketika operasi bantuan serta menambah keyakinan kepada semua agensi untuk mengambil tindakan sewajarnya jika berlaku bencana selain meningkatkan kecekapan dan kepantasan bantuan.



MBSJ LANCAR GALERI ALAM SEKITAR DAN KITAR SEMULA SERTA PROGRAM KUTIPAN KITAR SEMULA SEKOLAH TINGKAT KESEDARAN KOMUNITI KE ARAH GAYA HIDUP MAMPAN

MBSJ telah melancarkan Galeri Alam Sekitar dan Kitar Semula pada 29 November 2022 bertempat di Kompleks 3C, Subang Jaya Selangor dalam usaha meningkatkan kesedaran terhadap penjagaan alam sekitar serta mengaktifkan lagi aktiviti kitar semula di kalangan komuniti di bawah pentadbiran ini.

MBSJ menyasarkan peningkatan kadar kitar semula pada tahun 2030 sebanyak 30% melalui pelancaran galeri ini serta melalui pelaksanaan program kesedaran alam sekitar dan aktiviti kitar semula yang akan dijalankan secara berterusan sepanjang tahun.

Pembukaan galeri ini merupakan kerjasama di antara pihak MBSJ dengan syarikat Tetra Pak Malaysia serta Pertubuhan Kebajikan Masyarakat melalui Kitar Semula (CRC Box). Galeri yang berkonsepkan perkongsian ilmu ini selain menjadi pusat setempat bagi aktiviti kitar semula ianya juga mempunyai kepelbagaian aktiviti lain seperti pusat pameran, kuiz/permainan beserta cenderamata, *Upcycling/Eco Bricks*, sudut pembelajaran aktiviti kitar semula, sesi taklimat kitar semula, taklimat kesedaran dan kebersihan sekolah serta lawatan sekolah/orang awam.

Di dalam Majlis yang sama, Datuk Bandar MBSJ turut menyampaikan hadiah Program Kutipan Kitar Semula Sekolah MBSJ 2022 yang telah dimulakan sejak Januari-September 2022. Berkonsepkan 5R - *Rethink, Refuse, Reduce, Reuse and Recycle*, program ini telah disertai sebanyak 11 penyertaan di mana 5 penyertaan dari sekolah rendah dan 6 penyertaan dari sekolah menengah. Melalui program



ini, sebanyak **12,397.05 kilogram bersamaan 12.40 tan barang kitar semula telah berjaya dikumpulkan** dan program ini juga telah mendapat kerjasama rakan sinergi Fraser & Neave Holdings Berhad (F&NHB) selaku penaja serta mendapat sokongan dari Pejabat Pendidikan Daerah (PPD) Petaling Perdana.

MBSJ turut berbesar hati menyumbangkan set tong kitar semula berkapasiti 660 liter kepada 6 buah sekolah yang layak atas inisiatif melaksanakan kutipan kitar semula melebihi 500 kilogram.

Diharapkan dengan pelaksanaan program kitar semula dan pelancaran Galeri Alam Sekitar ini menjadi satu langkah paling berkesan dalam usaha mengurangkan jumlah penjejakan dan penghantaran sampah dalam bentuk sisa pepejal ke tapak pelupusan selain dapat meningkatkan jangka hayat tapak pelupusan sekali gus memupuk sikap memelihara dan memulihara alam sekitar di setiap lapisan masyarakat.



KOMPLEKS SUKAN DAN KEMUDAHAN AWAM MBSJ DI PUSAT BANDAR PUCHONG

Dalam usaha melahirkan masyarakat yang sihat dan sejahtera, baik dari aspek mental dan fizikal, Majlis Bandaraya Subang Jaya telah melaksanakan projek pembinaan Kompleks Sukan dan Kemudahan Awam MBSJ yang baru terletak di Lot 421, Jalan Persiaran Indera, Pusat Bandar Puchong.

lanya selaras dengan Matlamat Pembangunan Mampan (SDG 3-Good Health and Well-Being) dan Majlis Pecah Tanah Projek ini telah dilaksanakan pada 3 November 2022 yang lalu dan disempurnakan oleh YBhg. Dato' Johary bin Anuar, Datuk Bandar MBSJ bersama YB Tuan Ng Sze Han, Pengerusi Jawatankuasa Tetap Kerajaan Tempatan, Pengangkutan Awam dan Pembangunan Kampung Baru Negeri Selangor merangkap Ahli Dewan Negeri Kinrara.

Kompleks Sukan yang bakal dibina ini berkeluasan 4.31 ekar bersamaan dengan 7,073 meter persegi ini akan menelan belanja sebanyak RM16.25 juta dan dijangka dapat disiapkan sepenuhnya pada bulan Ogos 2024.

Kompleks ini bercirikan konsep moden dan akan dilengkapi dengan pelbagai kemudahan dalam bangunan seperti gelanggang serbaguna kekal *multitines* yang dapat digunakan sebagai gelanggang bola keranjang, gelanggang badminton serta gelanggang futsal bersaiz FIFA (42 m x 25 m) yang mempunyai kapasiti 1,018 tempat duduk penonton.

Selain itu juga, Kompleks Sukan ini juga akan turut dilengkapi dengan bilik persalinan beserta tandas, bilik pengadil, bilik tetamu, bilik media, pejabat pengurusan dan lain-lain kemudahan awam seperti tandas dan surau. Tidak dilupakan, kawasan sekeliling juga akan turut dilengkapi dengan trek jogging sepanjang 270 meter, taman permainan dan rekreasi, tempat letak kenderaan dan bangunan ansilari dan sokongan.



KOMPONEN	KELUASAN mp	KELUASAN kp
Bangunan utama	4,435	47,734
Bangunan ansilari dan sokongan	585	6,296
Trek larian tidak berbumbung	1,122	12,076
Boulevard/ruang limpah berbumbung	931	10,020
Jumlah lantai kasar	7,073	76,126
Jalan premis dan tempat letak kereta	4,992	52,729
Jumlah keseluruhan	12,065	128,855

MAJLIS SAMBUTAN Deepavali MBSJ 2022

Kemeriahan sambutan Hari Deepavali diteruskan pada 9 Disember 2022 yang lalu bertempat di Laman Kenanga, Ibu Pejabat MBSJ.

YBhg. Dato' Johary bin Anuar, Datuk Bandar MBSJ telah meluahkan masa menghadiri majlis ini, turut serta YDH ACP Tuan A. Anbalagan, Ketua Polis Daerah Serdang, Enik Ramacantiran a/l M. Ananthan, Pegawai Kebajikan Masyarakat Subang Jaya serta beberapa wakil agensi keselamatan.

Di dalam majlis sambutan tersebut, turut disampaikan sumbangan kepada 2 rumah amal dan warga kerja MBSJ yang berbangsa India.

Semua yang hadir juga telah dihidangkan dengan pelbagai makanan tradisi serta dihiburkan dengan persembahan tarian klasik India.



SELAMAT HARI DEEPAVALI

Program Bicara Perdana Dan Qasidah MBSJ

SEMPENA SAMBUTAN MAULIDUR RASUL 2022

Bagi menzahirkan rasa kesyukuran serta bersempena dengan sambutan Maulidur Rasul pada tahun ini, Majlis Bandaraya Subang Jaya telah menganjurkan Program Bicara Perdana dan Qasidah MBSJ bertempat di Masjid Putra Heights, Subang Jaya.

Pengunjung yang hadir telah mendengar bicara perdana yang telah disampaikan oleh tetamu istimewa iaitu Al-Fadhil Ustaz Hazri Hashim Al-Bindary dengan tajuk '6 Aspek Utama Mengenal Rasulullah S.A.W.'. Pengunjung yang hadir juga turut dipersembahkan dengan alunan qasidah yang telah disampaikan oleh Kumpulan Al-Busyra, Yayasan As-Sofa.

Adalah diharapkan penganjuran program seumpama ini akan

dapat menyemarakkan lagi rasa cinta terhadap Rasulullah SAW serta dapat mengimarahkan lagi masjid.



635 ORANG SERTAI

Majlis Khatam Al-Quran & Doa Selamat

Dari kejauhan kedengaran alunan bacaan ayat suci Al-Quran bergema di segenap sudut Masjid Al-Madaniah, Jalan USJ 18/7, Subang Jaya Selangor pada 20 Oktober 2022 yang lalu.

Kalimah ayat suci Al-Quran ini telah dibacakan secara serentak oleh 635 orang peserta yang terdiri daripada 334 peserta lelaki dan 301 peserta perempuan daripada 21 jabatan dalaman dan pengurusan tertinggi

MBSJ dalam Majlis Khatam Al-Quran & Doa Selamat bersempena dengan sambutan Ulang Tahun Kedua MBSJ.

Majlis Khatam Al-Quran dan Doa Selamat ini telah dipimpin oleh Al-Fadhil Imam Muda Hafiz dan di dalam program yang sama, turut diadakan Program Bicara Perdana Masyarakat Madani yang telah disampaikan oleh YBhg. Sahibus Samahah Prof. Madya Dr. Haji

Miszairi bin Haji Sitiris, Timbalan Mufti Selangor.

YBhg. Dato' Johary bin Anuar, Datuk Bandar MBSJ bersama YBrs. Tuan Haji Mohd Zulkurnain bin Che Ali, Timbalan Datuk Bandar MBSJ telah meluahkan masa untuk turut serta di dalam majlis tersebut bersama Ketua-Ketua Jabatan, pegawai dan warga MBSJ serta kariah Masjid Al-Madaniah, USJ 18, Subang Jaya.



Majlis Munajat Iltizam
AMBANG TAHUN 2023 MBSJ

Pastinya kelainan dirasakan oleh seluruh komuniti MBSJ pada kali ini apabila MBSJ telah menganjurkan Majlis Munajat Iltizam Ambang Tahun 2023 sebagai acara sambutan tahun 2023. Program kerohanian ini telah berlangsung pada 30 Disember 2022 yang lalu hasil kolaborasi Masjid Al-Ehsan, Bandar Kinrara, Selangor.

Majlis ini telah dibahagikan kepada 4 sesi yang telah dimulakan dengan penyampaian Tazkirah Solat Jumaat oleh Imam Muda Ustaz Muhammad Hafiz bin Abdul Khodir. Seterusnya, bagi memperbaiki kualiti bacaan Al-Quran, MBSJ telah merencanakan program Tahsin Bacaan Surah Al-Fatihah Bersand yang telah disampaikan oleh Ustaz Nik Muhammad Rabbani bin Nik Zainal Alam.

Sejurus selepas solat Asar, majlis diteruskan dengan Sesi Ceramah Penghayatan Solat oleh Ustaz Muhammad Fahmi bin Muhammad, Penceramah Bebas di mana para peserta ceramah mendalami ilmu bagi menambahbaik tatacara solat mereka.

Sesi malam semakin bertambah menarik apabila MBSJ telah menjemput YAB Dato' Setia Dr. Hj. Anhar bin Hj. Opir, Sahibus Samahah Dato' Seri Utama Diraja Mufti Selangor, bagi menyampaikan ceramah bertajuk 'Iltizam Ke arah Pembentukan Insan Cemerlang'. Selain itu juga, para hadirin turut dipersembahkan dengan alunan qasidah dari Kumpulan Al-Busyra, Yayasan As-Sofa.

YBhg. Dato' Johary bin Anuar turut meluangkan masa bersama para pengurus serta kakitangan untuk sama-sama menyertai program munajat pada kali ini.



*Keunikan Perhimpunan
Bulanan MBSI*
BULAN OKTOBER 2022

Pastinya tarikh keramat 20 Oktober 2022 akan terpahat di sanubari setiap warga kerja MBSJ yang mengahdiri Perhimpunan Bulanan. Unikny pada kali ini, Perhimpunan Bulanan MBSJ telah diselekan dengan sambutan Ulangtahun Kedua MBSJ yang jatuh pada hari yang sama.

Acara istimewa ini telah dimulakan dengan sesi ucapnama seterusnya sesi penyampaian kejayaan perkhidmatan dan sukan. Turut diadakan acara memotong pulut kuning sebagai simbolik sambutan ulangtahun kedua MBSJ.

Adalah diharapkan agar warga MBSJ dapat meneruskan kecemerlangan ini di masa-masa akan datang serta dapat mengembling tenaga dan usaha dalam memantapkan lagi pengurusan pentadbiran MBSJ.



BENDERA MBSJ
*Berkibar Megah
Di Gunung Kinabalu*

Menyahut semangat Ulangtahun Kedua Bandaraya Subang Jaya, seramai 41 kakitangan MBSJ telah berazam untuk mengibarkan bendera Majlis Bandaraya Subang Jaya di Gunung Kinabalu, Sabah.

Teruja dengan semangat yang dipamerkan, Datuk Bandar MBSJ bersama Timbalan Datuk Bandar MBSJ telah meluangkan masa dan memberikan kata-kata semangat serta mendoakan keselamatan para pendaki semasa Majlis Penyerahan Bendera MBSJ untuk Program Ekspedisi Menawan Puncak Gunung Kinabalu sempena sambutan ulang tahun kedua pada 2 November 2022 bertempat di Dewan Kenanga, Ipu Pejabat MBSJ.





Apabila diimbangi kembali, Karnival Ulang Tahun Kedua MBSJ yang disambut pada bulan Oktober 2022 yang lalu berjaya mencapai objektifnya dalam berkongsi kegembiraan bersama seluruh penduduk di kawasan pentadbirannya.

Kegembiraan jelas terpancar di setiap wajah pengunjung yang telah menyertai pelbagai aktiviti yang telah direncanakan sepanjang pengisian sambutan karnival tersebut.


Sebanyak 25 aktiviti telah berjaya dilaksanakan sepanjang sambutan karnival tersebut. Sebut sahaja apa aktiviti yang dimahukan, ianya telah dirancang dengan teliti untuk memenuhi ekspektasi pengunjung karnival seperti Aktiviti Sihat dan Sukan, Pertandingan Sukan Tradisional, Pemeriksaan Kesihatan, Aktiviti Hiburan serta Aktiviti Keluarga. Tidak dilupakan juga, MBSJ turut menyusun Aktiviti Pendidikan dan Kesedaran sebagai mekanisme menambah ilmu pengetahuan

melalui perkongsian ilmu dan pengalaman menerusi pameran. Segmen gastronomi juga tidak dilupakan apabila MBSJ turut mengadakan Festival Food Planet dan Jualan oleh Perbadanan Kemajuan Pertanian (PKPS) serta turut disediakan 15 kendera saji (food truck) bagi memenuhi selera pengunjung.

Uniknya pada sambutan kali ini, MBSJ buat julung kalinya telah menganjurkan Pertandingan Perbarisan yang telah disertai lebih 1,618 peserta dari 35 pasukan kontinjen daripada jabatan-jabatan MBSJ, Majlis Perwakilan Penduduk (MPP) dan stakeholders. Kemeriahan amat dirasai apabila lintas hormat dimulakan sejurus selepas perasmian sambutan oleh YBhg. Dato' Johary bin Anuar, Dato' Bandar MBSJ. Semangat kerjasama serta rasa keterujaan

terzahir di wajah para peserta yang terlibat di dalam perbarisan tersebut yang telah mempamerkan pelbagai rekabentuk pakaian serta persembahan kawad yang menarik.

Selain itu juga, MBSJ turut berbangga apabila berjaya menganjurkan Fun Ride serta Kejohanan Kriterium bersempena dengan sambutan pada kali ini. Majlis perasmian pertandingan ini telah disempurnakan oleh YAB Dato' Seri Amirudin bin Shari, Dato' Menteri Besar Selangor. Seramai 780 peserta Fun Ride terlibat di dalam kayuhan santai sejauh 26.8 km bermula dari Dataran MBSJ sehingga ke Persiaran Perpaduan manakala bagi Pertandingan Kriterium pula, seramai 450 peserta



terlibat dalam merebut hadiah wang tunai terkumpul berjumlah RM9,000.00 bagi 10 kategori yang dipertandingkan.

MBSJ juga turut mengetengahkan aktiviti sukan woodball dengan menganjurkan Kejohanan Woodball Intercity pada sambutan kali ini. Kejohanan Woodball Intercity berjaya menarik 412 peserta dari dalam dan luar negeri Selangor dengan mempertandingkan 10 kategori utama dalam merebut




hadiah keseluruhan berjumlah RM15,350.00.

Tidak kurang juga, penganjuran Cabaran Joran MBSJ 2022 turut menarik minat ramai peserta di mana pada cabaran kali ini, sebanyak 500 kg ikan yang terdiri daripada spesies Patin, Rohu dan Leko telah

dilepaskan ke dalam Tasik Rekreasi Wawasan Puchong. Seramai 502 kaki pancing telah menyertai pertandingan ini yang menawarkan wang tunai RM7,800.00.

Sesungguhnya, sambutan Ulang Tahun Kedua Bandaraya Subang Jaya kali ini merupakan satu



mengeratkan lagi hubungan kekeluargaan warga bandar raya melalui penganjuran aktiviti-aktiviti sihat serta bermanfaat setelah kita berjaya menempuh cabaran Pandemik Covid-19 serta musibah bencana banjir.

TERIMA KASIH KOMUNITI MBSJ... ANDA SEMEMANGNYA HEBAT!!!





WARNA-WARNI KOMUNITI

AKTIVITI MPP BULAN OKTOBER - DISEMBER 2022

Oktober

MPP
ZON 8

2.10.2022 (Ahad)
Program Sumbangan Barangan Sempena Deepavali Oleh NGO
Balai Masyarakat Jalan 2

MPP
ZON 22

4.10.2022 (Selasa)
Program Line Dance
Dewan Serbaguna Seri Kembangan

MPP
ZON 4

8.10.2022 (Sabtu)
Tahlil Perdana Maulidur Rasul
Surau Al-Muhajirin Pangsapuri Angsana

MPP
ZON 10

8.10.2022 (Sabtu)
Program Pembuatan Wau
Dewan MBSJ Jalan Belatok

MPP
ZON 13

8.10.2022 (Sabtu)
Program Pangsapuri Angkat Kejohanan Pingpong Terbuka Al-Kauthar 2022
Dewan Terbuka Al-Kauthar & Dewan Orang Ramai MBSJ

November

MPP
ZON 8

5.11.2022 (Sabtu)
Program Bola Sepak Warga Puchong Junior
Padang Futsal Kg. Kenangan

MPP
ZON 16

13.11.2022 (Ahad)
Program Goreng Pisang Penduduk Pangsapuri Angkat MPP 16
Pangsapuri Seri Jati

MPP
ZON 6

6.11.2022 (Ahad)
Gotong Royong Penanaman Pokok
Taman Permainan USJ 3/1

MPP
ZON 2

3.11.2022 (Khamis)
Program Jelajah Ehsan Rakyat Selangor (Jualan Rakyat)
Pangsapuri Kos Rendah PJS 7/15 Bandar Sunway

MPP
ZON 14

14.11.2022 (Isnin)
Bengkel Jom Cantik Zero To Basic Makeup
Balai Masyarakat Puchong Permai

DiseMBER

MPP
ZON 24

3.12.2022 (Sabtu)
Sumbangan Sarapan Percuma
Pasar Pagi Taman Sg. Besi Indah

MPP
ZON 17

12.12.2022 (Isnin)
Pemeriksaan Kesihatan Dan Pengesanan Penyakit
Berjangkit PKD Petaling
Masjid Darulssalam Kg. Pasir Bt. 12 ½ Puchong

MPP
ZON 13

10.12.2022 (Sabtu)
Majlis Khatan Perdana 2022
Dewan Orang Ramai Pangsa Perdana

MPP
ZON 22

11.12.2022 (Ahad)
Sumbangan Bakul Makanan Daripada ADUN Seri Kembangan
Kantan Court Taman Bukit Serdang

MPP
ZON 4

18.12.2022 (Ahad)
Tayangan Skrin Besar Perlawanan Akhir Bolasepak Piala Dunia
Blok AB Pangsapuri Angsana

NATIONAL PLANNING CONGRESS 2022

WADAH PERKONGSIAN MBSJ MENGENAI PERANCANGAN BANDAR

YBhg. Dato' Johary bin Anuar, Dato' Bandar MBSJ telah dijemput sebagai panelis untuk berkongsi idea dan pengalaman beliau semasa sesi diskusi bertajuk 'Science Based Climate Change' semasa *National Planning Congress 2022* yang telah berlangsung pada 7 November 2022 bertempat di Hotel Marriot, Putrajaya.

Semasa sesi diskusi berlangsung, Datuk Bandar MBSJ telah berkongsi informasi mengenai usaha-usaha MBSJ dalam memastikan kelestarian alam sekitar serta usaha menyeimbangkan perancangan pembangunan di kawasan pentadbiran MBSJ. Di dalam persidangan yang sama, TPr. Ismail bin Muhammad, Pengarah Jabatan Perancang Bandar MBSJ turut dijemput sebagai moderator bagi sesi diskusi bertajuk 'Climate Change Impact on Public Health'.

National Planning Congress 2022 telah diadakan bersempena dengan Hari Perancangan Bandar Sedunia (HPBS).



Persidangan ini diadakan hasil kolaborasi di antara Malaysia Institute of Planner (MIP) dan PLANMalaysia. MBSJ turut menjadi rakan strategik pada persidangan kali ini.

Dengan tema tahun ini 'Liveable Malaysia-Transforming Our Cities For A Better Urban Future', persidangan ini akan menjadi wadah terbaik untuk pembuat polisi, pengamal serta para akademik untuk berbincang mengenai isu-isu serta jalan penyelesaian terbaik bagi pengurusan perancangan bandar yang dinamik dan sistematik.



KARNIVAL KESIHATAN SEMPERA HARI AIDS SEDUNIA 2022 ANJURAN MBSJ DAN PKD PETALING

Dalam usaha meningkatkan kesedaran orang ramai serta memberi pendidikan mengenai penyakit AIDS, Majlis Bandaraya Subang Jaya telah berkolaborasi dengan Pejabat Kesihatan Daerah Petaling dengan mengadakan Karnival Kesihatan Sempera Hari AIDS Sedunia 2022 pada 3 Disember 2022 bertempat di Taman Tasik Wawasan, Puchong, Selangor.

Majlis perasmian karnival ini telah disempurnakan oleh YB Tuan Ng Sze Han, Pengerusi Jawatankuasa Tetap Kerajaan Tempatan, Pengangkutan Awam dan Pembangunan Kampung Baru Negeri Selangor merangkap Ahli Dewan Negeri Kinrara. Turut bersama, YBhg. Dato' Johary bin Anuar, Datuk Bandar MBSJ bersama YBrs. Puan Dr. Faridah binti Amin, Pegawai Kesihatan Daerah Petaling.

Pelbagai aktiviti telah diadakan sebagai pengisian program seperti aktiviti zumba,



pemeriksaan kesihatan, aktiviti mewarna untuk kanak-kanak, sesi perkongsian mengenai penyakit AIDS, *explorace* dan sebagainya.

Tema sambutan pada tahun ini yang telah ditetapkan oleh Joint United Nation Programme on HIV and AIDS (UNAIDS) adalah 'Equalize: Kesaksamaan untuk kesihatan bagi mengakhiri AIDS'.

lanya merupakan kempen global dalam usaha menghapuskan stigma dan diskriminasi terhadap pesakit dan keluarga

terdekat mereka serta menangani ketidaksamaan yang mampu menghalang kemajuan dalam mencapai sasaran bagi mengakhiri epidemik AIDS menjelang akhir tahun 2030.



MBSJ PERKASA AGENDA

Pembangunan Bandar Mampu MELALUI PENYERTAAN PERSIDANGAN MALAYSIA URBAN FORUM 2022

Menjelang tahun 2040, dijangkakan penduduk bandar akan meningkat kepada 84% daripada jumlah keseluruhan penduduk negara Malaysia. Justeru itu, agenda perbandaran dan perubahan iklim tidak boleh dipisahkan serta Pihak Berkuasa Tempatan memerlukan satu strategi mitigasi dan tindakan adaptasi yang tuntas serta mengambil pendekatan yang lebih inklusif di dalam perancangannya yang perlu diterapkan di dalam setiap pelan perancangan dan pembangunan bandar.

Menyedari peri pentingnya isu tersebut, MBSJ telah mengambil pendekatan untuk memperkasakan agenda perbandarannya dan telah turut serta di dalam persidangan *Malaysia Urban Forum 2022* (MUF2022) yang telah berlangsung selama 3 hari bermula 16 hingga 18 Oktober 2022 yang lalu bertempat di Pusat Konvensyen Majlis Bandaraya Shah Alam (SACC).

Di dalam persidangan tersebut, beberapa wakil dari MBSJ telah dijemput untuk berkongsi pandangan mengenai pengurusan agenda perbandaran. Encik Muhammad



Azli bin Miswan, Pengarah Jabatan Korporat dan Pengurusan Strategik MBSJ telah dijemput untuk berkongsi pengalaman beliau bagi tajuk *Gender Responsive Cities* semasa sesi *Women's Assembly MUF 2022* manakala Encik Hazman bin Mohd Mahayuddin, Timbalan Pengarah Jabatan Perancang Bandar MBSJ, telah menjadi panelis bagi tajuk *Financing Sustainable Development and Urban Resiliency*. MBSJ turut membuka reruai di persidangan tersebut bagi berkongsi idea serta mempamerkan inisiatif-inisiatif MBSJ ke arah bandar raya mampan.



Lepak Santai FINAL MATCH FIFA WORLD CUP 2022

Program Lepak Santai *Final Match FIFA World Cup 2022* telah dilaksanakan pada 18 Disember 2022 yang lalu bertempat di Taman Tasik Wawasan, Pusat Bandar Puchong, Selangor. Program ini telah dilaksanakan hasil kolaborasi bersama dengan Kementerian Belia dan Sukan Malaysia.

Penganjuran program ini adalah bertujuan untuk menyemarakkan lagi semangat kesukanan yang sihat di samping mengambil ruang dan peluang untuk bersama-sama memberikan semangat kepada pasukan sokongan masing-masing. lanya juga dapat memupuk semangat kemasyarakatan, perpaduan serta sikap toleransi di kalangan masyarakat.

Bagi memeriahkan program pada kali ini, siaran secara langsung dari layar gergasi turut diadakan. Pelbagai aktiviti menarik yang lain telah dilaksanakan seperti pertandingan sepak penalti, jualan makanan kendera saji (food truck) serta persembahan *busker*. Pengunjung yang hadir juga turut diberikan kupon makanan percuma dan aktiviti cabutan bertuah juga turut diadakan.



MBSJ BANTU PENIAGA

MENDIGITALISASIKAN
PERNIAGAAN

Dalam usaha memberi pendedahan kepada para peniaga mengenai kepentingan mendigitalisasikan perniagaan serta memberikan bantuan platform pesanan dalam talian, MBSJ telah menganjurkan Program Latihan Pembangunan Usahawan Mikro MBSJ dengan kerjasama Platform Selangor (PLATS) pada 13 Oktober 2022 bertempat di Dewan Kenanga, Ibu Pejabat MBSJ.

Seramai 100 orang peniaga yang terdiri daripada peniaga pasar pagi, pasar malam, penjaja dan B40 pangsapuri angkat telah

terlibat dalam program tersebut yang telah dilaksanakan hasil kolaborasi dengan 10 rakan sinergi yang terdiri daripada Perbadanan Menteri Besar Selangor (MBI), Platform Selangor (PLATS), Yayasan Hijrah Selangor, Maybank Berhad, OCBC Bank (Malaysia) Berhad, Maynuu Sdn. Bhd., Retort Lab, Best Marketing & Distributors Sdn. Bhd., Teck Hunter Global Sdn. Bhd. dan Mesinkira Sdn. Bhd..

Di dalam program tersebut, para peniaga telah diperkenalkan dengan kaedah sistem pembayaran tanpa tunai atau *cashless transaction* melalui bimbingan daripada pihak

PLATS. Selain itu juga, mereka turut didedahkan dengan tips dan penyediaan media sosial yang efektif sebagai pemangkin perniagaan untuk menambah baik operasi perniagaan.

Di dalam program yang sama, pihak Menteri Besar Selangor (Incorporated) turut menyerahkan kad SIM dengan data internet percuma selama setahun kepada semua usahawan mikro yang hadir di bawah program Data Internet Selangor. Inisiatif ini merupakan usaha bagi membantu usahawan mikro dalam mempromosikan perniagaan melalui teknologi digital.

PROGRAM ILTIZAM PRIHATIN MBSJ BERI SINAR KEPADA 360 PENERIMA BANTUAN

Seramai 360 penerima yang terdiri daripada golongan fakir miskin, ibu tunggal, warga emas yang tidak berkemampuan serta orang kurang upaya dari 24 zon Majlis Perwakilan Penduduk MBSJ boleh melebarkan senyuman mereka apabila MBSJ telah melancarkan Program Iltizam Prihatin MBSJ bagi meringankan beban mereka.

Majlis pelancaran program ini telah disempurnakan oleh YBhg. Dato' Johary bin Anuar, Datuk Bandar MBSJ dan ianya dilaksanakan dengan matlamat untuk menanamkan rasa prihatin dan memperkukuhkan hubungan baik sedia ada bersama masyarakat terutama golongan yang memerlukan melalui sumbangan secara terus kepada golongan sasar.

Program ini telah dilaksanakan



secara berperingkat ziarah rumah ke rumah di mana sumbangan berupa bakul makanan (bantuan keperluan asas seperti beras, gula, biskut, telur, garam, minyak masak dan sebagainya) serta wang tunai RM200.00 telah diberikan kepada penerima.

YBhg. Dato' Johary bin Anuar, Datuk Bandar MBSJ bersama Puan Noor Aznida binti Abdul Hamid, Penolong Pegawai Kanan



Kebajikan Masyarakat, Jabatan Kebajikan Masyarakat Cawangan Subang Jaya serta pengurusan MBSJ turut meluangkan masa untuk menyampaikan sendiri sumbangan tersebut kepada 4 buah keluarga terpilih di sekitar Pangsapuri Angsana USJ 1, Subang Jaya.

Inisiatif ini bertepatan dengan hasrat MBSJ di bawah Matlamat Pembangunan Mampan (SDG) dalam menyantuni komuniti serta memastikan penglibatan inklusif semua pihak dalam agenda pembangunan Bandaraya Subang Jaya sekaligus menyokong aspirasi 'Leave No One Behind'.



PROGRAM BANTUAN KESIHATAN PEKA B40

1,200 ORANG TERIMA MANFAAT

Bagi memperkasakan kesedaran masyarakat berhubung kepentingan penjagaan kesihatan, Majlis Bandaraya Subang Jaya telah menjalinkan kerjasama dengan Klinik Siti (Siti Healthcare Sdn. Bhd.) bagi tujuan saringan kesihatan khususnya untuk golongan B40.

Program Bantuan Kesihatan Peka B40 ini telah berlangsung pada 12 November 2022 bertempat di Dewan Serbaguna MBSJ USJ 7, Subang Jaya. Program ini telah dihadiri oleh YBrs. Tn. Hj. Mohd Zulkurnain bin Che Ali, Timbalan Datuk Bandar MBSJ bersama Ir. Hj. Rosli bin Mohd Yunus, Timbalan Setiausaha MBSJ. Turut serta YBrs.



Dato' Sri Dr. Muhammad Ali bin Datuk Yahya, Pengasas Klinik Siti.

Penganjuran program ini adalah inisiatif MBSJ untuk mengurangkan beban

golongan B40 dalam membuat saringan kesihatan dan fokus utama kepada penyakit tidak berjangkit (NCD). Program saringan kesihatan yang dilakukan adalah usaha untuk membantu orang ramai mengesan penyakit seperti kencing manis, kanser dan kesihatan mental dengan lebih awal sekaligus berpeluang mendapatkan rawatan selanjutnya.

Program ini juga telah diperluaskan di 2 lokasi yang lain iaitu di Dewan Serbaguna Puchong Indah serta Dewan Serbaguna Seri Serdang.

PEMBUKAAN KAUNTER PEMBAHARUAN LESEN

PASAR PAGI, PASAR MALAM, PASAR AWAM DAN MEDAN SELERA TAHUN 2023



MBSJ sentiasa komited di dalam memberi perkhidmatan terbaik kepada semua komuniti peniaga. Justeru itu, MBSJ telah membuka Kaunter Pembaharuan Lesen Bagi Tahun 2023 pada 15-30 November 2022 bertempat di Dewan Serbaguna MBSJ USJ 7, Subang Jaya dan juga pada 5-14 Disember 2022 bertempat di Dewan Serbaguna MBSJ Serdang Raya, Seri Kembangan.

Pembukaan kaunter secara berpusat ini dilaksanakan bagi memberi kemudahan kepada para peniaga serta dapat

menjimatkan masa mereka bagi memperbaharui lesen tersebut.

Para peniaga juga digalakkan untuk memperbaharui Lesen Premis Perniagaan Tahun 2023 secara dalam talian dengan melayari Portal Ezy MBSJ di capaian <https://ezy.mbsj.gov.my>. Sebarang pertanyaan lanjut, para peniaga boleh menghubungi Jabatan Pelesenan di talian 03 80264048 / 3177 / 3176 / 4324 / 4053 pada hari Isnin hingga Jumaat bermula jam 8:00 pagi hingga 5:00 petang.



DATUK BANDAR MBSJ TURUN TAPAK TINJAU PROJEK LANGAT 2

YBhg. Dato Johary bin Anuar, Datuk Bandar MBSJ telah turun tapak ke Taman Puncak Jalil pada 3 November 2022 yang lalu bagi meninjau sendiri kerja-kerja pemasangan paip air di sepanjang Jalan Persiaran dan Persiaran Puncak Jalil 1 oleh kontraktor Projek Langat 2 iaitu Syarikat Suhati Sdn. Bhd.. Turut serta bersama beliau semasa turun tapak adalah YB Tuan Ng Sze Han, Pengerusi Jawatankuasa Tetap Kerajaan Tempatan, Pengangkutan Awam dan Pembangunan Kampung Baru Negeri Selangor.

Semasa di lokasi, turut diadakan sesi sidang media di mana semasa sesi tersebut, Datuk Bandar MBSJ, YB Tuan Ng Sze Han serta pihak media telah diberikan penerangan oleh pihak kontraktor mengenai butiran projek serta tarikh pelaksanaan kerja bagi pemasangan paip air bersaiz 1200 mm di sepanjang Jalan Persiaran Puncak Jalil dan Persiaran Puncak Jalil 1.

Projek pemasangan ini dimaklumkan akan menggunakan kaedah korekan terbuka dan *pipe jacking process* yang akan bermula pada November 2022 sehingga Disember 2022.

Bagi mengurangkan kesesakan lalu lintas serta menjamin keselamatan di kawasan tersebut, pihak kontraktor juga turut membentangkan pelan penyuraian trafik yang akan dilaksanakan di kawasan tersebut.

Adalah diharapkan dengan pelan penyuraian trafik tersebut dapat memberikan sedikit kelegaan kepada penduduk sekitar dan disarankan untuk menggunakan laluan alternatif bagi mengelakkan kesesakan lalu lintas terutama semasa waktu puncak.



LAWATAN PENANDA ARASAN KENYA SCHOOL OF REVENUE ADMINISTRATION (KESRA) KE MBSJ

Delegasi dari Kenya School of Revenue Administration (KESRA) yang diketuai oleh Dr. M Sugumaran, Coordinator Malaysian Kenya Study telah hadir ke Ibu Pejabat MBSJ pada 1 Disember 2022 yang lalu.

YBhg. Dato' Johary bin Anuar, Datuk Bandar MBSJ telah sudi meluangkan masa mengalu-alukan kunjungan dari Kenya.

Seterusnya, para delegasi telah dibawa melawat ke Pusat Kawalan MBSJ (Command Centre MBSJ) serta sekitar Ibu Pejabat MBSJ bagi melihat secara lebih dekat pengurusan MBSJ.

Sesi lawatan ini diadakan bagi berkongsi amalan terbaik pengurusan aduan pelanggan di MBSJ sekaligus memperkasakan rangkaian kerjasama strategik dengan pelbagai agensi dalam dan luar negara.



SOKONG ASPIRASI MATLAMAT PEMBANGUNAN MAMPAN (SDG)

Majlis Bandaraya Subang Jaya (MBSJ) sentiasa komited di dalam mendukung aspirasi yang telah digariskan di dalam Matlamat Pembangunan Mampaan (SDG) dalam usaha mengurangkan pelepasan gas karbon dioksida serta menggalakkan gaya hidup sihat kepada penduduk di pentadbirannya dengan menganjurkan program Selamat Pagi Subang Jaya, Hari Tanpa Kenderaan.

Program ini diadakan pada setiap hari Ahad minggu pertama setiap bulan bermula dari jam 7.00 pagi sehingga 11.00 pagi di Persiaran Kemajuan, Subang Jaya.

Pelbagai aktiviti menarik telah direncanakan sebagai pengisian program ini antaranya aktiviti sukan dan kesihatan seperti acara kayuhan dan larian santai, aktiviti senam robik, aktiviti street soccer, aktiviti memanah, aktiviti rope repelling, pemeriksaan kesihatan percuma serta permainan dam aji gergasi.

Pengunjung yang hadir juga boleh menambah ilmu pengetahuan melalui pameran yang disediakan seperti pameran pencegahan denggi, demonstrasi masakan serta pemadaman api oleh Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia serta melalui ruai perkhidmatan lain yang turut dibuka semasa program tersebut.

Bagi memeriahkan suasana program, Pertandingan *Buskers* serta persembahan jalanan turut diadakan sebagai halwa telinga disamping menjamu selera di Pesta Makanan yang disediakan pada hari tersebut.

Pelbagai kendera saji (food truck) telah tersedia untuk dipilih oleh para pengunjung bagi menjamu selera di Pesta Makanan yang disediakan.

Pengunjung juga boleh mendapatkan pelbagai barangan keperluan lain di Car Boot Sale yang turut diadakan pada hari tersebut.



Jangan lepaskan peluang untuk bersama-sama kami dan MBSJ mengalu-alukan seluruh komuniti bandaraya Subang Jaya untuk hadir beramai-ramai bagi memeriahkan program ini sekaligus menyokong tindakan pelan Bandar Hijau MBSJ.





Selamat Menyambut Tahun Baru

2023

Ikhlas Daripada:
MAJLIS BANDARAYA SUBANG JAYA



JELASKAN CUKAI TAKSIRAN SEGERA



**REBAT
RM15**

- ✓ Cukai dijelaskan sebelum atau pada 28 Februari 2023
- ✓ Membuat bayaran setahun
- ✓ Pembayaran secara e-payment iaitu melalui portal EzyMbsj, aplikasi mobile EzyPay, E-masspro dan mesin kios (cashless) sahaja
- ✓ Tiada tunggakan cukai

Dapatkan E-Bil Cukai Taksiran
Di Portal MBSJ

www.mbsj.gov.my

Atau Sila Imbas Kod QR



#KitaSelangor

HAK CIPTA TERPELIHARA

Sebarang penerbitan semula di dalam apa jua bentuk penerbitan tidak dibenarkan kecuali dengan kebenaran bertulis daripada MBSJ.

DITERBITKAN OLEH:

Majlis Bandaraya Subang Jaya,
Persiaran Perpaduan, USJ 5,
47610 Subang Jaya Selangor.